

LENSA USAHAWAN



Edisi 2/2017 | PERCUMA

www.risda.gov.my

INFO USAHAWAN BIMBINGAN RISDA

FOKUS : KARNIVAL USAHAWAN DESA

KARNIVAL USAHAWAN DESA



MENJANA USAHAWAN GLOBAL

Jejak
Usahawan
Jaya



Dari Meja Ketua Pengarang

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan izinnya, Lensa Usahawan Bil 2 Tahun 2017 kali ini berjaya dihasilkan. Terima kasih kepada semua warga sidang buletin dan warga RISDA yang bekerja keras dan bertungkus lumus merealisasikan penerbitan edisi kali ini mengenai Karnival Usahawan Desa 2017.

Karnival Usahawan Desa (KUD) anjuran KKLW yang telah diadakan selama empat hari bermula pada 19 hingga 22 Oktober 2017 di PWTC Kuala Lumpur melibatkan seramai 710 orang usahawan bimbingan agensi dibawah KKLW yang telah dibahagikan kepada enam kluster iaitu makanan & minuman, perkhidmatan & pelancongan, gaya hidup, kesihatan & kecantikan, produk pertanian dan ICT & ICT Kreatif.

Tahniah dan syabas kepada semua usahawan RISDA yang telah menyertai karnival tersebut. Seramai 80 orang usahawan RISDA terlibat dalam menjayakan KUD 2017 iaitu 43 orang usahawan bagi kluster makanan & minuman, 23 orang usahawan bagi kluster gaya hidup, 9 orang usahawan bagi kluster kesihatan & kecantikan dan 5 orang usahawan bagi kluster produk pertanian. Pelbagai artikel menarik sepanjang KUD berlangsung dapat dihasilkan dan dimuatkan dalam penerbitan buletin kali ini.

Akhir kata, saya berdoa agar usahawan-usahawan pekebun kecil hidup sejahtera dan membangun bersama arus pembangunan Negara untuk menjadi usahawan yang berdaya saing dan berdaya tahan, In syaa Allah.

Hajah Halimah Bt Abd Kadir
Pengarah Bahagian Pembangunan Usahawan

EDITORIAL

Penaung	: Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad
Penasihat	: Dato' Nasarudin Bin Malek
Ketua Pengarang	: Hjh. Halimah binti Abd. Kadir
Editor	: Pn. Nor Elina binti Datuk Kamaruddin
Sidang Pengarang	: Pn. Jarinah binti Maarof En. Mohammad Firdaus bin Zulkufi Mohd Azman bin Hasan En. Saiful Asyraffi bin Suhaimi Pn. Nurulsyuhada binti Ahmad
Jurufoto	: Abd. Malek bin Kassim Nurulsyuhada binti Ahmad

Kami mengalu-alukan sumbangan karya berbentuk penulisan kreatif, foto selain rencana mengenai aktiviti dan peristiwa berkaitan usahawan untuk dimuatkan di dalam Buletin ini yang akan diterbitkan secara dwi setahun.

ISI KANDUNGAN

DARI MEJA KETUA PENGARANG	2
ROAD TO CHINA - PROGRAM GO GLOBAL RISDA	3
RISDA BOLOT 3 HADIAH UTAMA DALAM PERTANDINGAN KUD STAR BOOTH	4-5
80 USAHAWAN BIMBINGAN RISDA; PRODUK BERKUALITI, MENARIK DI KARNIVAL USAHAWAN DESA 2017	6-7
TAK KAYA OLEH EMAS PEMBAWA TAK GADIS OLEH KAIN BERSELANG	8
SENARAI USAHAWAN BIMBINGAN RISDA KUD 2017	9-16
CHE' DIN : PILIHAN SUCI RESEPI ASLI	17
DODOL MAMA : OLE-OLE WAJIB WARISAN TRADISI MELAKA	18-19
NUR HIDAYAH - CANTIK, MESRA, TERPELIHARA	20-21
MINDSET SEORANG USAHAWAN	22-23
SEKITAR AKTIVITI TARIKAN PENGUJUNG DI HARI KUD RISDA	24



MAHIEZ



ROAD TO CHINA

OLEH : NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN, BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

'Road To China' adalah satu program jangka panjang yang dilancarkan dengan kerjasama antara RISDA dan Mahiez Alliance Group (M) Berhad (MAG Berhad) bertujuan untuk mengenalpasti dan memasarkan produk usahawan di bawah RISDA ke pasaran global khususnya negara China.

OBJEKTIF

1. Menenalpasti dan menilai produk halal Usahawan Bimbingan RISDA yang sesuai untuk ke pasaran global.
2. Mempromosi dan membuka pasaran (networking) diperingkat global khususnya negara China.
3. Memasarkan produk halal tempatan secara besar-besaran di China, Rusia dan negara-negara laluan ONE Belt One Road – OBOR (Satu Kawasan Satu Laluan)
4. Melahirkan "pemain halal global" dari kalangan usahawan SME tempatan.

Seramai 18 orang usahawan bimbingan RISDA telah terpilih untuk program ROAD TO CHINA yang telah ditandatangani semasa berlangsungnya Karnival Usahawan Desa 2017 di antara RISDA dan Kolej Universiti Agrosains Malaysia

(UCAM) bersama Mahiez Alliance Group (M) Berhad (MAG Berhad) disaksikan oleh Datuk Seri Ismail Sabrib Yaakob, Menteri KKLW. Program ini membolehkan produk Usahawan Bimbingan RISDA dipasarkan dan dibawa menembusi pasaran di negara China sejajar dengan tema KUD 2017 "Usahawan Desa Ke Global".

PAMERAN DAN PROMOSI MAHIEZ DI CHINA

CHINA INTERNATIONAL FAIR FOR INVESTMENT & TRADE 2017 (CIFIT)

Mahiez Alliance Group (MAG) telah menyertai China International Fair For Investment & Trade 2017 (CIFIT), Bandar Xiamen, Wilayah Fujian selama empat hari bermula 18-21 September 2017. Sebanyak 42 produk dari pelbagai kategori daripada 24 syarikat IKS telah menyertai pameran ini di bawah Pavilion MAG Berhad termasuk usahawan daripada agensi kerajaan seperti RISDA dan NAFAS.

Melalui pameran CIFIT 2017, kami mendapat kunjungan sebanyak 77 Trade Buyers yang terdiri daripada pemborong,

pengedar dan peruncit daripada Wilayah Fujian, Shanghai, Wushi, Vietnam, Belanda dan Australia.

C.I.Q - CHINA INSPECTION AND QUARANTINE

CIQ merupakan proses yang wajib dilalui untuk semua produk-produk yang ingin memasuki pasaran China. Lanya dilakukan oleh Pengawasan Kualiti, Pemeriksaan dan Kuarantin (AQSIQ) yang bertanggungjawab terhadap pemeriksaan komoditi import dan eksport negara.

AQSIQ terletak di wilayah pelabuhan, wilayah autonomi dan majlis perbandaran serta import dan eksport barangan, pusat pengedaran dan sekutunya CIQ (pemeriksaan dan Kuarantin China), yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kawasan pemeriksaan komoditi import dan eksport.

Selepas melalui proses CIQ produk akan dihantar ke China Lab Test untuk mendapatkan persijilan dan 'china label' yang melayakkan produk-produk ini berada di pasaran China.

RISDA BOLOT 3 HADIAH UTAMA DALAM PERTANDINGAN KUD STAR BOOTH

OLEH : NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN, BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN



KUD STAR BOOTH Agensi

Johan - RISDA
Naib Johan - KEJORA
Tempat Ke-3 - KETENGAH

KUD 2017 kali ini meneruskan tradisinya dalam penganjuran pertandingan *KUD STAR BOOTH* Usahawan dan *KUD STAR BOOTH* Agensi di mana RISDA diberi kepercayaan sekali lagi ditugaskan sebagai Urusetia Pertandingan diselaraskan oleh Pn Nor Elina bt Datuk Kamaruddin daripada Bahagian Pembangunan Usahawan. Bagi *KUD STAR BOOTH* Usahawan, pertandingan dikategorikan mengikut kluster iaitu Makanan dan Minuman, Perkhidmatan dan Pelancongan, Gaya Hidup, Kesihatan dan Kecantikan, Produk Pertanian dan ICT & ICT Kreatif. Kriteria pertandingan adalah seperti berikut:-

- i. HIASAN BOOTH (30 markah)
 - Hiasan yang dihasilkan
 - Susunan Produk Jualan
- ii. KEBERSIHAN BOOTH (30 markah)
 - Kawasan persekitaran tanpa sampah
 - Barang / kotak disusun dengan rapi dan tidak berselerak
- iii. KEKEMASAN DAN LAYANAN (15 markah)
 - Keterampilan jurujual
 - Kemesraan jurujual kepada pelanggan
 - Disiplin/ etika semasa berniaga

- iv. DAYA TARIKAN BOOTH PAMERAN (10 markah)
 - Kaedah promosi
- v. INOVASI (10 markah)
 - "Value added" kepada produk
- vi. REKOD JUALAN (5 markah)

Bagi Kategori *KUD STAR BOOTH* Agensi melibatkan semua agensi di bawah KKLW (termasuk KKLW) dan kriteria pertandingan adalah seperti berikut:

- i. HIASAN BOOTH (30 markah)
 - Hiasan yang dihasilkan
 - Susunan Pameran

- ii. KEBERSIHAN BOOTH (30 markah)
 - Kawasan persekitaran tanpa sampah
 - Barang / kotak disusun dengan rapi dan tidak berselerak
- iii. KEKEMASAN DAN LAYANAN (20 markah)
 - Pemakaian seragam
 - Kemesraan kepada pelanggan
 - Disiplin/ etika semasa bertugas.
- iv. DAYA TARIKAN BOOTH PAMERAN (10 markah)
 - Promosi tarikan pengunjung
- v. INOVASI (10 markah)
 - "Value added"

Juri yang dilantik adalah daripada kalangan wakil-wakil agensi di bawah KKLW seperti berikut:-

- i. Prof. Datuk Dr. Hj. Faridah Hanam bt Mohd. Rashid (RISDA)
- ii. En. Alzafray b Abu Bakar (RISDA)
- iii. En. Jamizan b Baki (MARA)
- iv. Pn. Nurhahirah bt Ibrahim (KEMAS)
- v. Pn. Rozanariah bt Mohd Sani (KEMAS)
- vi. Pn. Azhani bt Abd. GHANI (FELCRA)
- vii. En. Kamaluddin b Musa (FELCRA)
- viii. En. Khairulnahr b Jamaluddin (JAKOA)
- ix. En. Azri a/l Satun (JAKOA)
- x. En. Samudin b Basri (KESEDAR)
- xi. Pn. Nur Azreen bt Mohamad Yusof (KEJORA)
- xii. Pn. Rosni bt Nawawi @ Jusoh (KEJORA)
- xiii. En. Sulaiman b Mohd. Nor (KEDA)
- xiv. En. Zahirin b Yaacob (KEDA)
- xv. En. Mohd. Ikhan b Ismail (KETENGAH)
- xvi. En. Jafre b Taib (KETENGAH)
- xvii. En. Azlan b Mohamed (INFRA)
- xviii. En. Suhairy b Abdul Ghani (INFRA)

Johan bagi setiap kluster untuk *KUD STAR BOOTH* Usahawan membawa pulang wang tunai berjumlah RM1,000.00, Sijil Penghargaan dan Plaque manakala bagi *KUD STAR BOOTH* Agensi, Johan membawa pulang wang tunai RM1,000.00, Sijil Penghargaan dan Plaque, Naib Johan membawa pulang wang tunai RM750.00, Sijil Penghargaan dan Plaque manakala tempat ke-3 membawa pulang wang tunai RM 500.00, Sijil Penghargaan dan plaque

Berikut adalah senarai penuh pemenang *KUD STAR BOOTH* Usahawan dan *KUD STAR BOOTH* Agensi

- KUD STAR BOOTH* Usahawan
- Kluster Makanan dan Minuman
 - Weeda Rich Enterprise (RISDA)
 - Kluster Perkhidmatan dan Pelancongan
 - LCM Utara (M) Sdn Bhd (MARA)
 - Kluster Gaya Hidup
 - Super Tactical Resources (KEMAS)
 - Kluster Kesihatan dan Kecantikan
 - Secret Vee Beauty (KESEDAR)
 - Kluster Produk Pertanian
 - Sinar Bumi Hijau Enterprise (RISDA)
 - Kluster ICT & ICT Kreatif
 - Hexa Cooperation Sdn Bhd (KEDA)





80 USAHAWAN BIMBINGAN RISDA; PRODUK BERKUALITI, MENARIK DI KARNIVAL USAHAWAN DESA 2017

OLEH: SAIFUL ASYRAFFI B SUHAIMI, BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

80 produk dan perkhidmatan, hasil usahawan bimbingan RISDA telah disediakan sepanjang Karnival Usahawan Desa 2017 yang telah berlangsung selama 4 hari bermula 19 Oktober 2017 hingga 22 Oktober 2017 yang lalu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur.

Bertemakan "Usahawan Desa Produk Global" menjadi platform untuk perniagaan ke perniagaan (B2B) dan perniagaan ke pengguna (B2C).

Karnival ini telah menyediakan pelbagai aktiviti serta peluang bukan sahaja kepada komuniti usahawan, tetapi pengguna untuk merasai pengalaman terbaik ditawarkan oleh produk usahawan bimbingan RISDA.

Menteri di Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri bin Yaakob berkata karnival dwitahunan itu bukan hanya menyediakan platform usahawan desa mempromosikan produk masing-masing malah diharap mampu membantu mereka mengembangkan pasaran ke luar negara menerusi sesi padanan perniagaan.

Karnival kali ini melibatkan 80 penyertaan usahawan bimbingan RISDA iaitu 43 orang usahawan dari Kluster Makanan & Minuman, 23 orang usahawan dari Kluster Gaya Hidup, 9 orang usahawan dari Kluster Kesihatan & Kecantikan dan 5 orang usahawan dari Kluster Produk Pertanian. Seramai 26 orang usahawan lelaki dan bakinya seramai 54 orang usahawan adalah wanita. Kesemua usahawan ini adalah usahawan pekebun kecil yang dibimbing oleh RISDA bagi menjana pendapatan tambahan.

PRODUK HOT SELLING USAHAWAN BIMBINGAN RISDA

Sepanjang karnival ini berlangsung, beberapa produk usahawan bimbingan RISDA telah menjadi 'Hot Selling Item' dalam kluster masing-masing. Bagi Kluster Makanan & Minuman, kuih kering tradisional daripada Waheeda Maju Enterprise (Pahang) telah mencatatkan hasil jualan tertinggi diikuti oleh kek buah daripada Anugerah Cemerlang Enterprise (Johor) dan produk kacang sira daripada Ayusri Enterprise (Kelantan). Produk kraf kayu daripada Kayu Warisan Enterprise (Johor) mengungguli Kluster Gaya Hidup

LEBIH 700 PRODUK USAHAWAN LUAR BANDAR DI KARNIVAL USAHAWAN DESA

Pengguna boleh mendapatkan pelbagai keperluan harian sehinggalah kepada perabotan rumah dan barangan peribadi di Karnival Usahawan Desa yang berlangsung tahun ini



diikuti jahitan & andaman daripada Haime Niaga Enterprise dan produk seramik daripada Sofea Seramik (Kedah). Kopi herba daripada Samera Global Sdn Bhd (Selangor) pula mencatatkan nilai jualan tertinggi dalam Kluster Kecantikan & Kesihatan diikuti oleh produk minuman halia Lily Impian Trading (Pahang) dan sabun kecantikan berasaskan madu daripada Arabella Diyani Enterprise (Selangor). Baja foliar daripada Sinar Bumi Hijau Enterprise (Melaka) tidak kurang hebatnya mendahului carta dalam Kluster Produk Pertanian diikuti oleh produk madu kelulut daripada Embun Sari Enterprise (Pahang) dan baja foliar daripada Laboo Agro Farm (Negeri Sembilan).

AKTIVITI TARIKAN PENGUNJUNG

Pelbagai aktiviti yang disediakan sempena karnival ini berlangsung, termasuk pameran dan jualan produk usahawan desa yang terbahagi dalam 6 kluster iaitu kluster makanan dan minuman, produk pertanian, gaya hidup, kesihatan & kecantikan, produk teknologi maklumat & teknologi maklumat kreatif serta perkhidmatan & pelancongan. Turut diadakan, forum siswapreneur, demonstrasi produk & kraftangan, demonstrasi masakan dan konsert daripada artis-artis terkemuka tanah air. Selain daripada itu, Bahagian Pembangunan Usahawan RISDA juga mengambil tindakan proaktif dalam mempromosikan dan menarik pengunjung ke booth-booth usahawan bimbingan RISDA dengan sesi busking bersama buskers RISDA serta acara mini games dan cabutan bertuah.



TAK KAYA OLEH EMAS PEMBAWA, TAK GADIS OLEH KAIN BERSELANG

[JANGAN HARAPKAN BANTUAN ORANG UNTUK BERJAYA]

OLEH: NURULSYUHADA BINTI AHMAD, BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN



SAMSIAH SAMIT ENTERPRISE (SSE) didaftarkan pada tahun 2004 apabila Puan Samsiah bt Samit mengusahakan pusat kecantikan rawatan muka dan badan wanita yang dinamakan **SAMSIAH STAR SALUN** beralamat di No.35, Tingkat 1, Jalan Jelutung 1/KU8, Pekan Meru, 41050 Klang, Selangor dan memasarkan produk-produk kesihatan berasaskan sumber alam semulajadi.

Beliau mahir dalam merawat kecantikan muka dan badan wanita, urutan tradisional melayu untuk ibu selepas bersalin dan mahir memproses jamu tradisional warisan nenek moyang menggabungkan herba-herba terpilih.

Atas ketabahan, kekuatan dan usaha kerasnya memartabatkan produk kecantikan diri, Pn. Samsiah pernah dianugerahkan sebagai Anugerah Usahawan Berjaya Peringkat Negeri Selangor pada tahun 2011, Anugerah Gerai Terbaik RISDA KUD Zon Tengah pada tahun 2014 selain anugerah-anugerah lain. Beliau juga mendapat Bantuan Pembungkusan dari RISDA pada tahun 2017.

Beliau amat serius dalam aspek penjagaan kecantikan dan kesihatan terutamanya kaum wanita. Potensi dalam industri herba sangat luas untuk diterokai kerana telah ramai masyarakat sekarang berubah kepada produk bebas bahan kimia. Beliau sangat teliti dalam proses pemilihan bahan mentah untuk menghasilkan produk yang berkualiti.

Justeru itu, beliau sentiasa memastikan kualiti ramuan bahan-bahan herba terpilih daripada sumber terbaik, dibersihkan dan dicampurkan tanpa penambahan bahan pengawet atau pewarna tiruan.

Bak kata pepatah, rezeki tidak datang bergolek. Berkat kesungguhan dan motivasi diri yang tinggi ianya terbukti membawa kejayaan dan kini beliau berjaya meraih pendapatan sebanyak RM 29,018.00 sebulan, beliau tidak berhenti setakat itu, malah beliau berazam untuk melangkah lebih jauh di dalam bidang yang diceburi. Tidak lokek dalam berkongsi rezeki kepakaran dan ilmu kepada komuniti di luar bandar melalui program pembangunan produk-produk industri asas tani. Apabila ditanya tentang matlamat hidupnya, dia ingin melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera terutamanya wanita yang berjaya dalam bidang perniagaan. Dia juga mahu menjadi ikon dan inspirasi kepada wanita-wanita agar berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi.



BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN	: SAMSIAH BT SAMIT
NAMA & ALAMAT SYARIKAT	: SAMERA GLOBAL SDN BHD NO.17, JALAN KLANG SENTRAL KS/KU5 TAMAN KLANG SENTRAL BUKIT RAJA 41050 KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN
NO TEL / FAKS	: 03-3341 2678 / 03-3392 2128
EMAIL	: samerag6@gmail.com
PENERIMA BANTUAN RISDA	: BANTUAN PEMBUNGKUSAN TAHUN 2017
BIDANG PERUSAHAAN	: PERKHIDMATAN
PRODUK	: SPA KECANTIKAN/KESIHATAN
TAHUN MULA PROJEK	: TAHUN 2004
BILANGAN PEKERJA	: 6 ORANG PEKERJA
PENDAPATAN TAHUNAN	: RM 348,228.00 TAHUNAN
PENDAPATAN BULANAN	: RM 29,018.00 SEBULAN

Senarai Usahawan Bimbingan RISDA KUD 2017

Senarai Usahawan Bimbingan RISDA KUD 2017



NAMA USAHAWAN : ZARINA BT AWANG SAMAH
 NAMA SYARIKAT : INAKRAF
 KLUSTER : PEMBUATAN
 PRODUK UTAMA : KRAF KAYU, PERABOT
 NO. TELEFON : 019-9779690 / 09-2963480

NAMA USAHAWAN : SALBIAH BTE SAUDI
 NAMA SYARIKAT : SGAHARU HAIR & BEAUTY
 KLUSTER : SALON KESIHATAN & KECANTIKAN
 PRODUK UTAMA : SPA
 NO. TELEFON : 016-7711095



NAMA USAHAWAN : NUR FARAH NABILAH BT MOHD NOORDIN
 NAMA SYARIKAT : ARABELLA DIYANI ENTERPRISE
 KLUSTER : SKINCARE
 PRODUK UTAMA : PRODUK KECANTIKAN BERASASKAN MADU KELULUT
 NO. TELEFON : 013-2379323 / 016-3902933

NAMA USAHAWAN : GALERI HEVEA
 NAMA SYARIKAT : GALERI HEVEA
 KLUSTER : KRAFTANGAN
 PRODUK UTAMA : GUBAHAN BUNGA DAUN GETAH
 NO. TELEFON : 06-5251281




NAMA USAHAWAN : ABU BAKAR BIN HALIP
 NAMA SYARIKAT : KELUARGA HIM ENTERPRISE
 KLUSTER : MAKANAN & MINUMAN
 PRODUK UTAMA : SOS CILI / KICAP
 NO. TELEFON : 014-7257740

NAMA USAHAWAN : ASOFIYAH BT RADZUAN
 NAMA SYARIKAT : SOFEA SERAMIK
 KLUSTER : MAKANAN & MINUMAN
 PRODUK UTAMA : SERAMIK HIASAN, PASU, CENDERAMATA DLL
 NO. TELEFON : 017-5172187



NAMA USAHAWAN : MOHD ROZI BIN ADAM
 NAMA SYARIKAT : ZYART BATIK
 KLUSTER : BATIK
 PRODUK UTAMA : BAJU BATIK
 NO. TELEFON : 019-9055471

NAMA USAHAWAN : MOHD HAYAT BIN MOHD KHAIRUDDIN
 NAMA SYARIKAT : HAYAT CREATIVE CRAFT
 KLUSTER : KRAFTANGAN
 PRODUK UTAMA : LABU SAYUNG HIASAN
 NO. TELEFON : 016-4301455



NAMA USAHAWAN : ROHAYA BINTI CHE ABU BAKAR
 NAMA SYARIKAT : MTC ADVANCE MARKETING SDN. BHD
 KLUSTER : MAKANAN
 PRODUK UTAMA : MADU
 NO. TELEFON : 019-4163168



NAMA USAHAWAN : HJH. TUNOT @ TULUS BTE HJ. JOYO
 NAMA SYARIKAT : WAK TUNOT ENT
 KLUSTER : MAKANAN & MINUMAN
 PRODUK UTAMA : REMPAEK
 NO. TELEFON : 016-7840374

NAMA USAHAWAN : NOR AFFANDI BIN MUSTAFA
 NAMA SYARIKAT : ATF INFINITI ENTERPRISE (MADU KELULUT)
 KLUSTER : PERTANIAN
 PRODUK UTAMA : MADU KELULUT SDSI
 NO. TELEFON : 017-9336902

NAMA USAHAWAN : WAN FAUZIAH BINTI MAT YASIM
 NAMA SYARIKAT : JAHITAN KREATIF
 KLUSTER : PERKHIDMATAN
 PRODUK UTAMA : BEG JAHITAN
 NO. TELEFON : 012-9677845

NAMA USAHAWAN : NORZALILAH BINTI NOREHAN
 NAMA SYARIKAT : JAHITAN KREATIF
 KLUSTER : KRAFTANGAN
 PRODUK UTAMA : BEG HIASAN
 NO. TELEFON : 011-10772104

NAMA USAHAWAN : NORZALILAH BINTI NOREHAN
 NAMA SYARIKAT : JAHITAN KREATIF
 KLUSTER : KRAFTANGAN
 PRODUK UTAMA : BEG HIASAN
 NO. TELEFON : 011-10772104

NAMA USAHAWAN : ZULAIHA BT ABD RAHMAN
 NAMA SYARIKAT : PEMBUATAN MAKANAN
 KLUSTER : PEMBUATAN MAKANAN
 PRODUK UTAMA : PASTRY

NAMA USAHAWAN : AZMI BIN MAHMAD
 NAMA SYARIKAT : MASMITA ENTERPRISE
 KLUSTER : MAKANAN & MINUMAN
 PRODUK UTAMA : REMPAH NASI
 NO. TELEFON : 012-5145788

NAMA USAHAWAN : AZMI BIN MAHMAD
 NAMA SYARIKAT : MASMITA ENTERPRISE
 KLUSTER : MAKANAN & MINUMAN
 PRODUK UTAMA : REMPAH NASI
 NO. TELEFON : 012-5145788

NAMA USAHAWAN : AZMI BIN MAHMAD
 NAMA SYARIKAT : MASMITA ENTERPRISE
 KLUSTER : MAKANAN & MINUMAN
 PRODUK UTAMA : REMPAH NASI
 NO. TELEFON : 012-5145788

NAMA USAHAWAN : SITI KHOTIJAH BT MURAD
 NAMA SYARIKAT : WARISAN IBU
 KLUSTER : MAKANAN
 PRODUK UTAMA : SOS CILI
 NO. TELEFON : 017-4603191

NAMA USAHAWAN : NORZATUL RAMLAH BT SAUDIN
 NAMA SYARIKAT : JAGO MUTIARA ENTERPRISE
 KLUSTER : PEMBUATAN
 PRODUK UTAMA : CAPAL
 NO. TELEFON : 017-4158958

NAMA USAHAWAN : RUKIAH BT SULAIMAN
 NAMA SYARIKAT : RUKIAH BINTI SULAIMAN
 KLUSTER : KRAFTANGAN
 PRODUK UTAMA : KRAFTANGAN DAUN GETAH
 NO. TELEFON : 013-9283237



NAMA USAHAWAN : JULIA BT SELAN
 NAMA SYARIKAT : MYBIDAN
 KLUSTER : PERKHIDMATAN
 PRODUK UTAMA : URLUTAN
 NO. TELEFON : 012-6096839

NAMA USAHAWAN : NORAZNI BT MD TOLAH
 NAMA SYARIKAT : MYBIDAN
 KLUSTER : PERKHIDMATAN
 PRODUK UTAMA : MYBIDAN
 NO. TELEFON : 017-6836905

NAMA USAHAWAN : NOR HASHIMA BT MOHD SALLEH
 NAMA SYARIKAT : CMA KASTURI ENTERPRISE
 KLUSTER : KRAFTANGAN
 PRODUK UTAMA : BATIK
 NO. TELEFON : 018-9841763

NAMA USAHAWAN : NOR HASHIMA BT MOHD SALLEH
 NAMA SYARIKAT : CMA KASTURI ENTERPRISE
 KLUSTER : KRAFTANGAN
 PRODUK UTAMA : BATIK
 NO. TELEFON : 018-9841763

NAMA USAHAWAN : HAZIZI BIN MD RASHID
 NAMA SYARIKAT : RISSMART
 KLUSTER : PEMBUATAN MAKANAN
 PRODUK UTAMA : BANTAL & TILAM
 NO. TELEFON : 017-4389198

NAMA USAHAWAN : HAZIZI BIN MD RASHID
 NAMA SYARIKAT : RISSMART
 KLUSTER : PEMBUATAN MAKANAN
 PRODUK UTAMA : BANTAL & TILAM
 NO. TELEFON : 017-4389198

NAMA USAHAWAN : HAZIZI BIN MD RASHID
 NAMA SYARIKAT : RISSMART
 KLUSTER : PEMBUATAN MAKANAN
 PRODUK UTAMA : BANTAL & TILAM
 NO. TELEFON : 017-4389198

NAMA USAHAWAN : MAT SAH BIN ABD RAHMAN
 NAMA SYARIKAT : SINAR BUMI HILAU
 KLUSTER : PERTANIAN
 PRODUK UTAMA : BAJA CECAIR
 NO. TELEFON : 016-6413198

NAMA USAHAWAN : MAT SAH BIN ABD RAHMAN
 NAMA SYARIKAT : SINAR BUMI HILAU
 KLUSTER : PERTANIAN
 PRODUK UTAMA : BAJA CECAIR
 NO. TELEFON : 016-6413198

NAMA USAHAWAN : HASARUDDIN BIN HASSAN
 NAMA SYARIKAT : BAWANG GORENG DARA SEKURIL
 KLUSTER : MAKANAN
 PRODUK UTAMA : BAWANG GORENG
 NO. TELEFON : 013-4832398

NAMA USAHAWAN : HASARUDDIN BIN HASSAN
 NAMA SYARIKAT : BAWANG GORENG DARA SEKURIL
 KLUSTER : MAKANAN
 PRODUK UTAMA : BAWANG GORENG
 NO. TELEFON : 013-4832398

NAMA USAHAWAN : MESPAH BINTI SUKONO
 NAMA SYARIKAT : HAIME NIAGA ENT
 KLUSTER : PERKHIDMATAN
 PRODUK UTAMA : JAHITAN & ANDAMAN
 NO. TELEFON : 012-2600057



NAMA USAHAWAN : TUYANG BINTI PANGGAGA
 NAMA SYARIKAT : ROS WALET ANUGERAH
 KLUSTER : KESIHATAN DAN KECANTIKAN
 PRODUK UTAMA : SARANG BURUNG WALID
 NO. TELEFON : 014-8638730

NAMA USAHAWAN : JEZAH BT JUSON
 NAMA SYARIKAT : JEZAH ENTERPRISE
 KLUSTER : MAKANAN & MINUMAN
 PRODUK UTAMA : KUIH TRADISIONAL
 NO. TELEFON : 012-8973161

NAMA USAHAWAN : WAN OMAR BIN WAN MAHSOR
 NAMA SYARIKAT : MAJLIS JAYA SDN BHD
 KLUSTER : MAKANAN
 PRODUK UTAMA : WEE KERING
 NO. TELEFON : 013-8982486

NAMA USAHAWAN : RAZALI B MOHD YUSOF
 NAMA SYARIKAT : RISSMART
 KLUSTER : PERKHIDMATAN
 PRODUK UTAMA : BEKAM

NAMA USAHAWAN : RAZALI B MOHD YUSOF
 NAMA SYARIKAT : RISSMART
 KLUSTER : PERKHIDMATAN
 PRODUK UTAMA : BEKAM

NAMA USAHAWAN : RAFFLI BIN MD. NOR
 NAMA SYARIKAT : RISSMART
 KLUSTER : MAKANAN
 PRODUK UTAMA : MAKANAN SEJUK BEKU

NAMA USAHAWAN : MAZNAH BT LAIEH
 NAMA SYARIKAT : KAK NAH BERJAYA ENTERPRISE
 KLUSTER : MAKANAN
 PRODUK UTAMA : PEKASAM IKAN, DAGING & AYAM
 NO. TELEFON : 019-5415614

NAMA USAHAWAN : MAZNAH BT LAIEH
 NAMA SYARIKAT : KAK NAH BERJAYA ENTERPRISE
 KLUSTER : MAKANAN
 PRODUK UTAMA : PEKASAM IKAN, DAGING & AYAM
 NO. TELEFON : 019-5415614

NAMA USAHAWAN : MAZNAH BT LAIEH
 NAMA SYARIKAT : KAK NAH BERJAYA ENTERPRISE
 KLUSTER : MAKANAN
 PRODUK UTAMA : PEKASAM IKAN, DAGING & AYAM
 NO. TELEFON : 019-5415614

NAMA USAHAWAN : MAT SAH BIN ABD RAHMAN
 NAMA SYARIKAT : SINAR BUMI HILAU
 KLUSTER : PERTANIAN
 PRODUK UTAMA : BAJA CECAIR
 NO. TELEFON : 016-6413198

NAMA USAHAWAN : MAT SAH BIN ABD RAHMAN
 NAMA SYARIKAT : SINAR BUMI HILAU
 KLUSTER : PERTANIAN
 PRODUK UTAMA : BAJA CECAIR
 NO. TELEFON : 016-6413198

NAMA USAHAWAN : MAT SAH BIN ABD RAHMAN
 NAMA SYARIKAT : SINAR BUMI HILAU
 KLUSTER : PERTANIAN
 PRODUK UTAMA : BAJA CECAIR
 NO. TELEFON : 016-6413198

Senarai Usahawan Bimbingan RISDA KUD 2017

Senarai Usahawan Bimbingan RISDA KUD 2017



NAMA USAHAWAN : ESIAH BINTI KAIMUN
NAMA SYARIKAT : LAMAN KRAFTANI ENTERPRISE
KLUSTER : KRAFTANGAN
PRODUK UTAMA : GUBAHAN BUNGA DAN GETAH
NO. TELEFON : 016-3655096



NAMA USAHAWAN : SITI ROHANA BTE AHMAD
NAMA SYARIKAT : CT VILLAGE ENT
KLUSTER : MAKANAN DAN MINUMAN
PRODUK UTAMA : REMPAH RATUS
NO. TELEFON : 011-15915000

NAMA USAHAWAN : HALIMI BIN AHMAD
NAMA SYARIKAT : AG NURSERY
KLUSTER : KESIHATAN & KECANTIKAN
PRODUK UTAMA : HERBA
NO. TELEFON : 013-6525524



NAMA USAHAWAN : SITI AIDA BT LANI
NAMA SYARIKAT : AYOM ENTERPRISE
KLUSTER : MAKANAN
PRODUK UTAMA : FROZEN FOOD
NO. TELEFON : 011-26370993



NAMA USAHAWAN : ROHANA BTE MD. RAHIM
NAMA SYARIKAT : MELIANAA ENT
KLUSTER : MAKANAN & MINUMAN
PRODUK UTAMA : MURTABAK MINI
NO. TELEFON : 012-7408076

NAMA USAHAWAN : RIDZWAH BT.MOHAMAD HANAFIAH
NAMA SYARIKAT : ANAK CEGAL ENTERPRISE
KLUSTER : MAKANAN
PRODUK UTAMA : SERUNDING
NO. TELEFON : 014-5401950 /014-5077104



NAMA USAHAWAN : NUR ASHIKIN BINTI MOHD NOR
NAMA SYARIKAT : USABY HEAVEN
KLUSTER : MAKANAN
PRODUK UTAMA : KELENGKAPAN BUAH & ANAK
NO. TELEFON : 019-2109552



NAMA USAHAWAN : SAMSIAH BINTI HJ SAMIT
NAMA SYARIKAT : SAMERA GLOBAL SIB
KLUSTER : MINUMAN & HERBA
PRODUK UTAMA : SPA KECANTIKAN & HERBA
NO. TELEFON : 019-2646374



NAMA USAHAWAN : SARIDA BT BAHARUDIN
NAMA SYARIKAT : SRI BULAN BEAUTY HOUSE
KLUSTER : PERKHIDMATAN
PRODUK UTAMA : SPA
NO. TELEFON : 019-6602050



NAMA USAHAWAN : MARIAH BT ABD RAZAK
NAMA SYARIKAT : ROTI MARIA
KLUSTER : MAKANAN
PRODUK UTAMA : BAKERY
NO. TELEFON : 016-6567016



NAMA USAHAWAN : SAPIWATI BINTI ROSLE
NAMA SYARIKAT : AYUSRI ENTERPRISE
KLUSTER : MAKANAN
PRODUK UTAMA : MAKANAN RINGAN (KACANG)
NO. TELEFON : 019-4881968/012-9544297



NAMA USAHAWAN : SYARIFAH NURIN BINTI KASIM @ MUSA
NAMA SYARIKAT : PERKHIDMATAN FALAH MENYUNGG
KLUSTER : MAKANAN
PRODUK UTAMA : KUPI
NO. TELEFON : 012-4362020



NAMA USAHAWAN : ATIKA BINTI LIAKATALI
NAMA SYARIKAT : HAMIDAH FOOD INDUSTRI
KLUSTER : MAKANAN RINGAN
PRODUK UTAMA : TRADISIONAL
NO. TELEFON : 017-629247



NAMA USAHAWAN : SHARIFAH BT SUHAIMI
NAMA SYARIKAT : HUZER ENTERPRISE
KLUSTER : MAKANAN
PRODUK UTAMA : IKAN PEKASAM, PULUT
NO. TELEFON : 016-5583494/019-5223494



NAMA USAHAWAN : AZAH@AZAHARI B. ABD JAMAL
NAMA SYARIKAT : KAYU WARISAN ENTERPRISE
KLUSTER : GAYA HIDUP
PRODUK UTAMA : KRAF KAYU
NO. TELEFON : 012-7542897



NAMA USAHAWAN : WAHEDAH BT ABDUL RAHMAN
NAMA SYARIKAT : WAHEDA MAJU ENTERPRISE
KLUSTER : MAKANAN
PRODUK UTAMA : KUIH MIJUH, ANEKA KEREPEK
NO. TELEFON : 014-2938519

NAMA USAHAWAN : MOHD ROZI BIN ADAM
NAMA SYARIKAT : ZYART BATIK
KLUSTER : BATIK
PRODUK UTAMA : BAJU BATIK
NO. TELEFON : 019-9055471



NAMA USAHAWAN : MUHAMMAD KHALIS BIN MOHD ZALANI
NAMA SYARIKAT : KHALIS DECO ENTERPRISE
KLUSTER : PERKHIDMATAN
PRODUK UTAMA : KRAFTANGAN SERAMIK
NO. TELEFON : 019-5409036

NAMA USAHAWAN : SYED NORHAMI BIN SYED ZAIN
NAMA SYARIKAT : EMBUAN SARI ENTERPRISE
KLUSTER : PERTANIAN
PRODUK UTAMA : MADU KELULUT, SABUN KELULUT
NO. TELEFON : 019-9933854

NAMA USAHAWAN : ZELAWATI BTE MONEL
NAMA SYARIKAT : ZAAS AGRO ENTERPRISE
KLUSTER : MAKANAN & MINUMAN
PRODUK UTAMA : JEJARI BERSALUT PEDAS
NO. TELEFON : 019-326567

NAMA USAHAWAN : ARRAISOH BT CHE MAT @ ASIAH BT HUSIN
NAMA SYARIKAT : AISHAH ENTERPRISE
KLUSTER : MAKANAN
PRODUK UTAMA : PES
NO. TELEFON : 012-9381969

NAMA USAHAWAN : AHMAD FAUZI BT MD SALLEH
NAMA SYARIKAT : ONE FOOD UMI ENTERPRISE
KLUSTER : MINUMAN
PRODUK UTAMA : JUS GELUGUR
NO. TELEFON : 012-3069123/ 013-3189123

NAMA USAHAWAN : CHE KU FATIN BASIRAH BT CHE KU ABU BAKAR
NAMA SYARIKAT : NUR HIDAYAH BIZ
KLUSTER : PEMBUATAN
PRODUK UTAMA : TELEKUNG
NO. TELEFON : 013-9912712

NAMA USAHAWAN : MARHANI BT HASBOLLAH
NAMA SYARIKAT : NASIR PATRAS ENTERPRISE
KLUSTER : MAKANAN
PRODUK UTAMA : POPIA SIMPOL, KEREPEK PISANG
NO. TELEFON : 017-9422948

NAMA USAHAWAN : SITI HAKIMAH BINTI SHEIKH ABDUL RAHMAN
NAMA SYARIKAT : HAKIMAH BAKERY
KLUSTER : MAKANAN
PRODUK UTAMA : MAKAN RINGAN, BISKUT
NO. TELEFON : 010-9274870 / 013-9632118



NAMA USAHAWAN : FAIZAL BIN FAIZ
NAMA SYARIKAT : WARISAN NISMILAN FOOD
KLUSTER : MAKANAN & MINUMAN
PRODUK UTAMA : SOS GILING/ PERENCAH NISMILAN
NO. TELEFON : 06-4815673

NAMA USAHAWAN : NORHANI BT ABDULLAH
NAMA SYARIKAT : NISAM LINK ENTERPRISE
KLUSTER : MAKANAN
PRODUK UTAMA : TEK LAPIS SERIANK
NO. TELEFON : 019-9969162

NAMA USAHAWAN : NORALIZA SUHAILA BINTI MISPAN
NAMA SYARIKAT : LILY IMPIAN TRADING
KLUSTER : PERTANIAN
PRODUK UTAMA : HALIA & HERBA
NO. TELEFON : 017-9657855

NAMA USAHAWAN : NOR IDAWATI BINTI MAT ISA
NAMA SYARIKAT : SYARIKAT PROFIT MAKMUR
KLUSTER : MAKANAN
PRODUK UTAMA : AIR SARBAT
NO. TELEFON : 018-9496962

NAMA USAHAWAN : FADHILAH BT AZMI
NAMA SYARIKAT : DZREZ ENTERPRISE
KLUSTER : PERKHIDMATAN
PRODUK UTAMA : PERCETAKAN CENDERAHATI
NO. TELEFON : 019-4818585

NAMA USAHAWAN : NORHAMIZAH BT ABD RAHMAN
NAMA SYARIKAT : NUR INDRAL ENTERPRISE
KLUSTER : MAKANAN
PRODUK UTAMA : MARUKU KACANG PEAS, KEREPEK PISANG
NO. TELEFON : 019-9191293

NAMA USAHAWAN : MOHD HAFIZ BIN MOHD JAMIL
NAMA SYARIKAT : MOHD HAFIZ JAMIL ENTERPRISE
KLUSTER : PEMBUATAN
PRODUK UTAMA : BUSANA MUSLIMAH
NO. TELEFON : 013-9190618



NAMA USAHAWAN : BUSHRA BT AHMAD
NAMA SYARIKAT : BUSHRA GLOBAL RESOURCE
KLUSTER : PERKHIDMATAN
PRODUK UTAMA : BATIK
NO. TELEFON : 016-6946162



NAMA USAHAWAN : NOORHAN BT ABDILLAH
NAMA SYARIKAT : NSAM LINK ENTERPRISE
KLUSTER : MAKANAN
PRODUK UTAMA : TEK LAPIS SERIANK
NO. TELEFON : 019-9969162



NAMA USAHAWAN : BASYARUDIN BIN ALI
NAMA SYARIKAT : LABOO AGRO FARM
KLUSTER : PERTANIAN
PRODUK UTAMA : NURSERY TANAMAN
NO. TELEFON : 017-2258945



NAMA USAHAWAN : ZAMRI BIN IDRIS
NAMA SYARIKAT : PERUSAHAAN AL-KHALIFAH
KLUSTER : MAKANAN
PRODUK UTAMA : COOKIAT
NO. TELEFON : 013-5992927

NAMA USAHAWAN : NORALIZA SUHAILA BINTI MISPAN
NAMA SYARIKAT : LILY IMPIAN TRADING
KLUSTER : PERTANIAN
PRODUK UTAMA : HALIA & HERBA
NO. TELEFON : 017-9657855



NAMA USAHAWAN : NORHAM BTE TEWIRAN
NAMA SYARIKAT : ANUGERAH GEMERLANG ENTERPRISE
KLUSTER : MAKANAN & MINUMAN
PRODUK UTAMA : KEK BUAH & ROTI
NO. TELEFON : 011-10824696

NAMA USAHAWAN : NURMURNI YUSLINDA BINTI MD ARIFIN
NAMA SYARIKAT : MIZLINE ENTERPRISE
KLUSTER : PEMBUATAN
PRODUK UTAMA : TILAM BAYI
NO. TELEFON : 011-18791463

CHE' DIN : PILIHAN SUCI RESEPI ASLI

OLEH : NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN, BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN



En. Mohd Khairuddin b Abd Karim, graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) berpengalaman selama 15 tahun sebagai jurutera operasi telah memulakan perniagaan atas jenama Che' Din secara kecil-kecilan pada tahun 2010 selepas menyedari permintaan yang tinggi dan kepentingan halal dalam penghasilan produk makanan dalam tin di Malaysia yang boleh dibawa sehingga ke peringkat global. 3 tahun penyelidikan dan pembangunan produk yang dihasilkan bersama kumpulan pengurusan menunjukkan maklumbalas yang positif di mana pada tahun 2013, Che' Din berjaya membina kilangnya sendiri dan peralatan bagi tujuan pengeluaran makanan dalam tin yang beroperasi di Kuala Kangsar, Perak.

Sebelum dikenali sebagai jenama Che' Din, produk mereka telah melalui pelbagai proses penjenamaan semula. Antara jenama yang pernah digunakan ialah Keli Sayong dan Kledang Hills. Selepas menerima pelbagai maklumbalas daripada pelanggan, pilihan jenama Che' Din yang paling menjadi kesukaan ramai dan sinonim dengan masyarakat setempat yang mengenali Che' Din.

Che' Din mengorak langkah tahun demi tahun kepada cabaran yang datang daripada kerajaan yang mahu lebih banyak produk IKS dan usahawan Bumiputera terlibat dalam industri makanan dalam tin yang memperoleh status halal. RISDA antara agensi yang bantu membimbing Che' Din mengorak langkah lebih jauh ke pasaran global.

'Citarasa Malaysia Dalam Tin' adalah tagline yang dibawa ke mana sahaja membuktikan fokus utama Che' Din ialah untuk mengekalkan rasa asli hidangan lauk tempatan yang ditinkan dan sedia untuk dimakan bila-bila masa atau dibawa bersama semasa bercuti.

Bagi memenuhi permintaan pelanggan, produk Che' Din dibawa masuk ke pasaran pasar raya besar seperti Aeon Jusco dan Pasaraya Mydin dan kepuasan pelanggan menjadi perkara utama yang ditumpukan selain produk yang berkualiti dan keaslian resipi sentiasa berterusan

BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN	: MOHD KHAIRUDDIN BIN ABDUL KARIM
NAMA/ALAMAT SYARIKAT	: CHE' DIN FOOD INDUSTRIES LOT 5545, KPG. KUALA SAYONG HULU, SAYONG 33040 KUALA KANGSAR, PERAK
NO TEL	: 05-770 0355
EMAIL	: chedinfood@gmail.com
PENERIMA BANTUAN	: MOHD KHAIRUDDIN BIN ABDUL KARIM
BIDANG PERUSAHAAN	: PEMROSESAN DAN PENGETINAN MAKANAN
TAHUN MULA PROJEK	: 2012
BIL. PEKERJA	: 9 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN	: RM 786 000
PENDAPATAN BULAN	: RM 65 500



DODOL MAMA: *Ole-Ole Wajib* WARISAN TRADISI MELAKA

OLEH : NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN, BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN



Sebagai tanda kasih dan sayang kepada isteri tercinta, Encik Ali bin Abu Bakar memulakan perniagaan Hamidah Food Industry atau juga dikenali Hamidahku Industry Sdn. Bhd. mengambil nama isteri Puan Hamidah binti Zahir yang telah beroperasi sejak 1998 berbekalkan modal sendiri.

Semakin hari, perniagaan mereka semakin berkembang maju dan pasaran produk makanan tradisional tempatan dimonopoli oleh Hamidah Food Industry. Namun, langit tidak selalu cerah apabila pada tahun 2002 kedai dan sebahagian bahagian kilang musnah dijilat api dalam kejadian kebakaran yang melibatkan kerugian hampir 90%. Berbekalkan semangat yang kuat, pasangan suami isteri ini meneruskan perniagaan ini bermula dari bawah semula. Kini mereka boleh menarik nafas lega apabila Hamidah Food Industry terus mengorak langkah memonopoli semula pasaran produk makanan tradisional hampir ke seluruh Malaysia.

Kenderaan dagangan iaitu 4 buah lori 3 tan, sebuah lori 2 tan dan 2 buah van terus meluaskan pasaran hampir ke seluruh Malaysia termasuk beberapa pasaraya seperti Jaya Grocer, Village Grocer, Giant dan beberapa pasaraya di pantai timur.

Bantuan dari agensi kerajaan seperti RISDA telah membuka peluang yang luas kepada Hamidah Food Industry apabila diberi peluang untuk meluaskan pasaran ke pasaran global pula.

Dengan peluang dan bimbingan ini, Hamidah Food Industry berharap dapat memperkenalkan produk makanan tradisional supaya dikenali di peringkat antarabangsa pada masa akan datang.

Hamidah Food Industry mengeluarkan produk makanan tradisional seperti Dodol, Wajik, Cincalok, Belacan, Gula Melaka. Terdapat 7 perisa dodol iaitu Asli, Durian, Jagung, Pandan, Strawberry, Kopi dan

Laici. Manakala Wajik pula terdapat perisa Wajik Pulut Asli, Wajik Pulut Durian dan Wajik Sirat. Bagi Cincalok dan Belacan, telah dianugerahkan pensijilan Halal oleh JAKIM.

Hamidah Food Industry juga mempunyai beberapa usahawan bimbingan sendiri di mana usahawan-usahawan diajar untuk membuat produk sehingga berjaya. Produk tersebut kemudian dibeli oleh Hamidah Food Industry dan diedarkan bersama produk keluaran syarikat.

Selain itu, terdapat hampir 300 jenis produk makanan tradisional yang diedarkan ke hampir seluruh Malaysia. Kini Encik Ali dan Puan Hamidah turut dibantu oleh anak-anak beliau untuk menguruskan perniagaan ini. Diharap Hamidah Food Industry akan terus memperjuangkan produk makanan tradisional agar produk makanan tradisional tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN : ATIKA BINTI ALI
 NAMA & ALAMAT SYARIKAT : HAMIDAH FOOD INDUSTRY
 3537, KM 15 BKT DODOL,
 77300 UMBAI MELAKA
 NO. TEL / FAKS : 06 261 5652, 06 261 5654
 FACEBOOK : DODOL TRADISI MAMA
 EMAIL : hamidahku.industries@gmail.com
 PENERIMA BANTUAN RISDA : BANTUAN GROOM BIG DAN BANTUAN
 PENSIJILAN HALAL
 BIDANG PERUSAHAAN : MEMPROSES & MENGEDAR PRODUK
 MAKANAN TRADISIONAL
 PRODUK : DODOL, WAJIK, CINCALOK,
 BELACAN & GULA MELAKA
 TAHUN MULA PROJEK : TAHUN 1998
 BILANGAN PEKERJA : 25 ORANG
 PENDAPATAN TAHUNAN : RM 6.3 JUTA
 PENDAPATAN BULANAN : RM 500,000



Nur Hidayah - CANTIK, MESRA, TERPELIHARA

OLEH : NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN, BAGHIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN



NUR HIDAYAH BIZ telah ditubuhkan pada 16 Februari 2014 dan merupakan sebuah syarikat bertaraf bumiputra. Jenama **TELEKUNG NUR HIDAYAH** diberi nama sempena nama Surau Nur Hidayah, Kampung Alor Tempoyak, Dungun. Telekung ini bermula sebagai hasil usaha penduduk kampung khususnya ibu-ibu tunggal anak yatim dan suri-suri rumah sebagai satu usaha untuk meraih pendapatan tambahan untuk menampung perbelanjaan harian. Penglibatan mereka dengan pembuatan telekung ini telah memberi sedikit kelegaan dan dapat mengurangkan kesempitan hidup masyarakat sekitar. Kini Telekung Nur Hidayah merupakan produk **Satu Daerah Satu Industri (SDSI)** di Daerah Dungun yang telah diktiraf sebagai telekung Eksklusif Negeri Terengganu

Telekung ini mendapat sambutan yang baik dan dapat menawan hati muslimah kerana wanita rakyat Malaysia hari ini tidak menjahit sendiri telekung mereka dan biasanya mereka membelinya daripada Indonesia atau Vietnam. Kebanyakan telekung-telekung import ini mempunyai masalah di bahagian muka yang tidak mengikut syariat, besar, longgar dan selekeh. Dengan telekung Nur Hidayah yang patuh syariat, kemas, cantik, sejuk, tahan lasak dan mempunyai kesemua ciri yang diharapkan dari sebuah telekung telah menepati citarasa mereka dengan harga yang berpatutan. Ia sangat penting untuk kesempurnaan beribadat.



Usaha Nur Hidayah Biz untuk mengangkat ekonomi masyarakat kampung serta telah menarik perhatian pihak Jabatan Perdana Menteri. Melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan Terengganu, dana berbentuk keperluan tempat operasi dan mesin disalurkan dan di tempatkan di Rimbunan Kasih Rantau Abang. Nur Hidayah Biz diberi amanah untuk melatih dan membimbing suri rumah dan belia-belia di sini menghasilkan telekung yang berkualiti dan dikenali ramai. Dengan itu mereka akan mendapat sumber pendapatan tambahan untuk menyara keluarga.

Sokongan dari pelbagai pihak seperti pihak RISDA, JPP, Kerajaan Negeri Terengganu, MAIDAM, Tabung Haji dan lain-lain jabatan sangat diharapkan. Ini akan memastikan projek ini berjaya mencapai objektif membantu meningkatkan pendapatan warga miskin dan juga memastikan kelangsungan rezeki mereka. Dalam masa yang sama ia diharapkan menjadi ikon Negeri Terengganu. Semoga usaha yang murni ini membawa pelbagai impak positif kepada kita semua.

Visi menjadi jenama telekung tersohor di Terengganu menjelang 2020 menjadikan team Nur Hidayah Biz bekerja keras mencapai visi tersebut dengan menetapkan misi menghasilkan telekung buatan tempatan yang praktikal, cantik dan kemas di bahagian muka, mengikut syariat, mudah dipakai dan digemari ramai.



BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN	: CHE KU FATIN BASIRAH BT CHE KU ABU BAKAR
NAMA & ALAMAT SYARIKAT	: NUR HIDAYAH BIZ GALERI NUR HIDAYAH DEPAN HOSPITAL DUNGUN 23000 DUNGUN TERENGGANU.
NO. TEL / FAKS	: 013 991 2712
EMAIL	: ck.fatin.basirah91@gmail.com
PENERIMA BANTUAN RISDA	:
BIDANG PERUSAHAAN	: PEMBUATAN TEKSTIL
PRODUK	: TELEKUNG NUR HIDAYAH
TAHUN MULA PROJEK	: TAHUN 2015
BILANGAN PEKERJA	: 8 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN	: RM 450,000
PENDAPATAN BULANAN	: RM 37,500





MINDSET SEORANG USAHAWAN ; YANG BULAT DATANG BERGOLEK, YANG PIPIH DATANG MELAYANG

[Seseorang yang bertuah akan mendapat rezeki di mana-mana sahaja]

OLEH: NURULSYUHADA BINTI AHMAD, BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

Memiliki paras rupa yang manis dan sentiasa ceria dengan celoteh - celoteh menggunakan dialek Temerloh merupakan identiti pemilik nama Nor Waheeda binti Abd. Rahman atau lebih dikenali sebagai 'Mak' di kalangan pelanggannya. Selari dengan sifat peribadinya yang peramah serta mudah mesra dengan pelanggan antara kunci kejayaan beliau hari ini. Pendapat beliau, hidup dalam berniaga perlulah berkasih sayang selain dari amanah, sabar dan tegas.

Bermodalkan hanya sebanyak RM 1,500.00, beliau memulakan perniagaannya secara kecil-kecilan. Mendapat sokongan padu dari keluarga terutama dari suami tercinta, En. Sahabudin bin Husain serta 2 orang anaknya, beliau gigih mengusahakan perniagaannya bersama keluarga tercinta. Bersandarkan

kepada keyakinan, beliau nekad meninggalkan kerjaya di dalam bidang swasta pada tahun 2010 dan terus berusaha untuk maju di dalam bidang perniagaan yang diceburinya sebagai punca pendapatan beliau sekeluarga.

Titik permulaan Waheeda Maju Enterprise bermula apabila pihak RISDA berbesar hati memberikan bantuan melalui Program Aktiviti Ekonomi Tambahan pada Tahun 2009. Memandangkan beliau merupakan Pekebun Kecil yang berdaftar dengan RISDA semenjak Tahun 2007, ini merupakan batu loncatan untuk beliau mengorak langkah dalam perniagaan. Beliau juga turut tidak ketinggalan untuk menyertai program serta kursus anjuran pihak RISDA bagi memantapkan ilmu pengetahuannya di dalam bidang perniagaan antaranya Kursus Kesedaran Halal, Program Klinik Usahawan, Modul Jejak Jaya serta Kursus Motivasi.

Perniagaan kuih tradisional merupakan pilihan beliau di dalam bidang ini. Meskipun kuih tradisional dianggap enteng bagi sesetengah pihak, namun beliau percaya kuih ini menarik minat bukan sahaja penduduk tempatan malahan mampu diangkat ke peringkat global. Antara kuih tradisional yang dihasilkan oleh beliau adalah seperti aneka kerepek, kuih bahulu, aneka biskut serta roti dan kek. Beliau sentiasa memastikan produk yang dihasilkan mesti memenuhi kehendak pelanggan.

Disangkakan panas hingga ke petang rupanya hujan di tengahari. Begitulah juga diibaratkan di dalam perniagaan beliau. Produk beliau adakalanya sukar diterima dan juga tidak menepati citarasa pelanggan. Namun itu tidak menjadi batu penghalang untuk beliau terus berusaha dan membuat penambahbaikan ke atas produk keluarannya selaras dengan prinsipnya dalam perniagaan iaitu tidak pernah kenal erti putus asa. Usaha gigih dan bercita-cita besar menyebabkan beliau berjaya menepuh segala halangan dan pelbagai tekanan semasa mengendalikan perniagaan beliau.

Memandangkan pemasaran merupakan elemen yang penting dan merangkumi semua aspek dapat meningkatkan jualan produk. Beliau percaya pemasaran berkesan dapat membantu memaksimumkan keuntungan. Oleh yang demikian, beliau mencuba pelbagai kaedah pemasaran bagi mempromosikan produknya antaranya seperti menyertai pameran jualan yang dianjurkan pelbagai agensi, mengiklankan di laman sosial serta menggunakan khidmat orang tengah atau agen dalam meluaskan pasaran. Selain itu, pembungkusan dan pelabelan yang menarik merupakan salah satu cabang pemasaran yang berjaya. Beliau sentiasa mencari peluang untuk membuat penambahbaikan dari segi pembungkusan dan pelabelan produk keluarannya.

Alhamdulillah, syarikat beliau sekali lagi mendapat bantuan Pembungkusan dan Pelabelan bernilai RM 15,000.00 pada tahun 2016 yang diberikan oleh pihak RISDA menerusi Program Pembangunan Usahawan. Dengan adanya pembungkusan dan pelabelan yang 'catchy eyes' dianggap pakej dapat menjadikan produk beliau kelihatan eksklusif dan menarik mata yang memandang.

BIODATA USAHAWAN	
NAMA USAHAWAN	: NOR WAHEEDA BINTI ABD. RAHMAN
NAMA & ALAMAT SYARIKAT	: WAHEEDA MAJU ENTERPRISE No. 12, RTP KG. AWAH, 28000 TEMERLOH PAHANG DARUL MAKMUR
NO TEL / FAKS	: 014-293 8519
EMAIL	: nurulathahsahabudin@gmail.com
PENERIMA BANTUAN RISDA	: i) BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN TAHUN 2009 ii) BANTUAN PEMBUNGKUSAN TAHUN 2016 iii) BANTUAN PELABELAN TAHUN 2016 iv) BANTUAN KE ARAH PENSIJILAN HALAL TAHUN 2017
BIDANG PERUSAHAAN	: MAKANAN
PRODUK	: KUIH TRADISIONAL
TAHUN MULA PROJEK	: TAHUN 2010
BILANGAN PEKERJA	: 5 ORANG PEKERJA
PENDAPATAN TAHUNAN	: RM 180,000.00 TAHUNAN
PENDAPATAN BULANAN	: RM 15,000.00 SEBULAN

Tidak berhenti setakat itu, beliau yang sentiasa berfikir positif terus mensasarkan untuk mendapatkan sijil halal bagi menambah keyakinan kepada pembeli terutama yang beragama Islam serta lebih menitikberatkan nilai-nilai Islam dalam pembelian. Dengan adanya kesedaran ini, beliau berpeluang dan terpilih di dalam Program Ke Arah Pensijilan Halal anjuran RISDA. Berkat kesabaran serta keazaman yang tinggi, syarikat beliau berjaya memperolehi Sijil Halal pada Tahun 2017.

Diberi mandat bagi menerajui RisSMart Bera, beliau sentiasa memastikan produk keluarannya serta produk usahawan payung di bawahnya menepati piawaian dan dalam keadaan yang baik. Produk keluaran beliau juga pernah menerima pengiktirafan di Peringkat Negeri Pahang iaitu Kuih Bahulu, Popia Simpul serta Rempeyek.

Payah-payah dilamun ombak, tercapai juga tanah tepi. Optimistik dan berpandangan jauh dalam perjalanan perniagaannya, beliau yakin produk keluarannya mampu menembusi pasaran global. Berkat kesabarannya, beliau diberi peluang untuk membawa produknya ke Negara China menerusi Program "Road To China" di bawah anjuran RISDA dengan usahasama MAHIEZ.

Dengan kejayaan demi kejayaan, beliau telah berjaya membuktikan bahawa kuih tradisional berjaya diangkat di mata dunia dan bukan setakat produk yang hanya dijual di Pekan Sehari atau pasar-pasar malam sahaja. Beliau juga telah berjaya membina rangkaian dan jalinan perniagaan dengan rakan-rakan usahawan dari seluruh negeri.

Hari ini beliau boleh berbangga kerana mampu meraih pendapatan sebanyak RM 15,000.00 sebulan hasil usaha keras beliau selama ini. Beliau melahirkan kata penghargaan kepada RISDA kerana dengan adanya sokongan kuat dan tanpa henti daripada RISDA, semua Usahawan Bimbingan RISDA menjadi lebih yakin dan gigih dalam mengharungi liku-liku serta cabaran dalam perniagaan. Harapan beliau agar lebih banyak lagi produk keluaran Usahawan Bimbingan RISDA mendapat pengiktirafan Halal dan seterusnya ke peringkat global. Inshaallah.....





Sekitar Aktiviti Tarikan Pengunjung di Hari KUD ROSDA

OLEH: NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN



Lensa Usahawan

Bahagian Pembangunan Usahawan

Tingkat 3, Bangunan RISDA KM 7,

Jalan Ampang, Karung Berkunci 11067, 50990 Kuala Lumpur

Tel : 03- 4256 4022 Faks: 03-4256 7944

Email: usahawan@risda.gov.my

www.risda.gov.my

ISSN 2462-1684



9 772462 168000